

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21 Disember 2009

SOALAN

YB Dato' Haji Kamarudin Bin Haji Ambok minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan isu pertikaian mengenai gaji minimum RM800 sebulan pembantu rumah Indonesia masih belum lagi mencapai kata putus. Kebanyakan rakyat yang memerlukan pembantu rumah adalah untuk aktiviti menjaga bayi dan kanak-kanak semasa mereka bekerja. Adakah Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk membina rumah-rumah asuhan kanak-kanak di setiap Parlimen yang dikelolakan oleh Kerajaan agar masalah untuk mendapatkan pembantu rumah ini dapat diatasi segera.

JAWAPAN

Menyedari pentingnya khidmat asuhan kanak-kanak bagi membantu ibu-ibu bekerja yang mempunyai anak kecil, Kerajaan telah memperkenalkan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Komuniti pada tahun 2006 yang berkonsepkan perkongsian pintar antara Kerajaan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Bagi setiap TASKA yang ditubuhkan, Kerajaan memperuntukkan geran pelancaran sebanyak RM55,000 dan geran tahunan sebanyak RM64,000. Sejak dimulakan pada tahun 2006 sehingga Oktober 2009, sebanyak 36 buah TASKA Komuniti telah beroperasi dengan jumlah kanak-kanak seramai 490 orang. Sebagai tindakan susulan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merancang untuk menubuhkan sebuah TASKA Komuniti di setiap kawasan Parlimen dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Selain memperuntukkan geran pelancaran dan geran tahunan bagi TASKA Komuniti, Kerajaan juga menyediakan subsidi yuran pengasuhan TASKA kepada ibu bapa berpendapatan rendah yang menghantar anak-anak mereka ke TASKA Komuniti. Mereka layak mendapat subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM180 (maksimum) sebulan bagi seorang anak. Subsidi ini diberikan kepada keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,000 sebulan di bandar dan RM1,200 sebulan di luar bandar. Tuan Yang DiPertua, Bagi menggalakkan majikan sektor awam menubuhkan TASKA di tempat kerja, geran pelancaran bagi penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam telah dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM80,000 pada tahun 2007 dan baru-baru ini dinaikkan kepada RM200,000 melalui ucapan Bajet 2010. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180 (maksimum) bagi seorang anak kepada kakitangan awam yang berpendapatan isi rumah RM3,000 sebulan. Melalui penubuhan TASKA Komuniti dan penggalakan penubuhan TASKA di tempat kerja dalam sektor awam, masalah pengasuhan anak yang dihadapi oleh keluarga dwikerja dapat dikurangkan.

Jawapan disediakan oleh: 1) Nama : Cik Nurul Syazana Amirudin 2) Jawatan : Penolong Setiausaha (DPM) 6 3) Bahagian : Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4) No. Tel : 03-2690 4036

Jawapan disemak oleh: 1) Nama : Cik Zuraidah Amiruddin 2) Jawatan : Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar Wanita dan Keluarga) 3) Bahagian : Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4) No. Tel : 03-2690 4025

Jawapan diperakukan oleh: 1) Nama : En. Harjeet Singh 2) Jawatan : Setiausaha Bahagian 3) Bahagian : Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4) No. Tel : 03-2690 4024

Jawapan diluluskan oleh: 1) Nama : Y. Bhg. Datuk Nor Hayati Sulaiman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

